

21 OCT 2002

Khalil-Inggeris

JANGAN 'TERUK' BERTELAGAH ISU BAHASA INGGERIS, KATA KHALIL

PUTRAJAYA, 21 Okt (Bernama) -- Isu pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris tidak perlu diperdebatkan secara "teruk" sekarang memandangkan ia belum dibincangkan di peringkat kabinet untuk keputusan akhir, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata pendapat semua pihak akan diambil kira dan segala keputusan mengenainya tertakluk kepada kabinet.

"Di peringkat kabinet, kita belum lagi buat satu rumusan atau keputusan. Jadi dalam konteks ini kita tak perlu bertelagah terlalu teruk," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Komunikasi Korporat 2002 di sini.

Khalil diminta mengulas pendirian MCA yang dilaporkan membantah pelaksanaan cadangan mengajar kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina mulai tahun hadapan.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan akhir mengenai penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar kedua-dua mata pelajaran itu akan dibuat oleh kabinet.

Khalil berkata ramai telah lupa dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad bahawa melalui cadangan itu, satu kaedah pengajaran baru akan diperkenalkan dengan guru menjadi fasilitator.

"Kita tidak boleh bayangkan teknik pengajaran itu secara tradisional," katanya.

Khalil berkata Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan telah merangka satu program untuk ditunjukkan kepada orang ramai bagi meyakinkan mereka tentang perlunya penggunaan bahasa Inggeris.

Katanya RTM telah menayangkan program itu beberapa kali pada slot Selamat Pagi Malaysia, dan untuk menjadikan ia lebih berkesan, RTM akan menayangkan program itu pada waktu perdana.

"Kita akan memberi latar belakang yang sejelas-jelasnya tentang apa yang dimaksudkan dengan kegunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains dan apakah modul yang akan digunakan," katanya.

Beliau berkata orang awam terlalu menumpukan kepada unsur politik dalam soal itu daripada melihat kebaikan dan aspek positifnya.

-- BERNAMA

NN MAM MAI